

INFO KUALITI

Perpustakaan Tun Abdul Razak

Info Kualiti adalah penerbitan bulanan Unit Kualiti PTAR Shah Alam untuk meningkatkan kesedaran warga Perpustakaan UiTM berkaitan pengurusan kualiti perpustakaan.

01 **Klausa 9 : Penilaian prestasi**

9.3 Kajian semula pengurusan

9.3.1

AM

Pengurusan atasan hendaklah mengkaji semula sistem pengurusan kualiti organisasi, secara berkala, bagi memastikan kesesuaian, kecukupan, kebersihan dan keselarasan hala tuju strategik organisasi.

9.3.2

INPUT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN

Kajian semula pengurusan hendaklah dirancang dan dijalankan dengan mengambil kira:

- status tindakan daripada kajian semula pengurusan yang terdahulu;
- perubahan dalam isu-isu luaran dan dalaman yang relevan dengan sistem pengurusan kualiti;
- maklumat tentang prestasi dan keberkesanan sistem pengurusan kualiti, termasuk trend dalam:
 - Kepuasan pelanggan dan maklum balas daripada pihak berkepentingan yang relevan;
 - Takat pencapaian objektif kualiti;
 - Prestasi proses dan keakuratan produk dan perkhidmatan;
 - Ketidakakuratan dan tindakan pembetulan;
 - Hasil pemantauan dan pengukuran;
 - Keputusan audit;
 - Prestasi penyedia luar;
- kecukupan sumber;
- keberkesanan tindakan yang diambil bagi menangani risiko dan peluang (lihat 6.1);
- peluang untuk penambahbaikan.

9.3.3

OUTPUT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN

Output kajian semula pengurusan hendaklah termasuk keputusan dan tindakan yang berkaitan dengan:

- peluang untuk penambahbaikan;
- apa-apa keperluan untuk perubahan kepada sistem pengurusan kualiti;
- keperluan sumber. Organisasi hendaklah mengekalkan maklumat didokumentasikan sebagai bukti hasil kajian semula pengurusan.

Sumber: Malaysian Standard MS ISO 9001: 2015: Sistem pengurusan kualiti - Keperluan (Semakan kedua) (ISO 9001: 2015, IDT) (Diterbitkan oleh Jabatan Standard Malaysia pada tahun 2017)